

27/10/1999

Guru besar ikrar sokong Mahathir

Zaharah Manan

PERSIDANGAN Perwakilan Kebangsaan Kali Ke-17 Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia (GMGBM) yang diadakan di Kuantan, Pahang, baru-baru ini meluluskan usul dan ikrar sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang Dipertua GMGBM, Muhammad Mustapha, berkata usul itu adalah antara beberapa usul penting yang diluluskan demi kepentingan pendidikan di negara ini.

Menurutnya, dalam usul itu, semua guru besar di seluruh negara berikrar berdiri teguh menyokong kepimpinan Dr Mahathir dalam usaha memulihkan ekonomi dan menstabilkan politik negara.

Beliau berkata, guru besar juga berikrar memastikan semua guru dan kakitangan di bawah kepimpinan mereka memberi khidmat dan bakti selaras dengan hasrat dan aspirasi kepimpinan negara.

"Selain itu, persidangan itu juga menerima usul Majlis Guru Besar (MGB) Johor yang meminta sistem kuota dan syarat baru kemasukan pelajar ke tingkatan satu sekolah berasrama penuh mulai tahun 2000 dimansuhkan," katanya.

Menurutnya, MGB Johor berpendapat sistem sekarang menetapkan, hanya dua murid boleh memasuki sekolah berasrama penuh bagi kategori pertama iaitu sekolah yang mempunyai murid kurang 50 orang.

Empat murid boleh memasuki sekolah asrama penuh jika sekolah itu mempunyai antara 51 hingga 99 murid, sekolah yang mempunyai antara 100 hingga 199 murid (lapan murid), bagi sekolah yang mempunyai murid antara 200 hingga 299 murid (12 murid) dan 16 murid dibenar memasuki sekolah berasrama penuh jika sekolah itu mempunyai lebih 300 pelajar.

Beliau berkata, mengikut sistem itu juga, dua murid bukan Bumiputera dibenar memasuki sekolah asrama penuh jika bilangan murid di sekolah itu kurang 20 orang, empat murid jika bilangan murid sekolah itu antara 21 hingga 40 orang dan enam murid jika sekolah itu mempunyai lebih 41 murid.

"Berikutan itu, MGB Johor mencadangkan supaya sistem itu dimansuhkan dan setiap murid yang mempunyai kelayakan, wajar diberi peluang melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh.

"Usul itu juga menyokong sistem dicadangkan Kementerian Pendidikan boleh dikekalkan, manakala pihak sekolah boleh mencalonkan semua murid yang mencapai tahap kecemerlangan yang telah ditetapkan kerana cara ini dapat memberi peluang sepenuhnya kepada murid yang berkelayakan," katanya.

Muhammad berkata, MGB Selangor pula mengemukakan empat usul, iaitu mencadangkan ahli jawatankuasa MGB berusaha lebih aktif menyelesaikan beberapa isu yang belum selesai seperti elaun keraian yang belum dimasukkan ke dalam gaji, waktu kerja rasmi guru besar dan guru pakar.

Mengenai peperiksaan, MGB Selangor berpendapat isu itu adalah sensitif kerana masyarakat meletakkan prestasi peperiksaan sebagai kayu pengukur kemajuan sekolah.

Sehubungan itu, MGB Selangor meminta Lembaga Peperiksaan Malaysia memaklumkan sebarang perubahan format peperiksaan secara rasmi kepada sekolah bagi mengelak penerbit buku mengetahui perkara berkenaan terlebih dahulu.

MGB Selangor juga meminta tarikh peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dilewatkan kepada Oktober supaya penyediaan calon peperiksaan lebih mantap, sekaligus mengelak masa yang lama antara tarikh tamat peperiksaan dengan cuti akhir tahun kerana ia melunturkan semangat

murid untuk datang ke sekolah.

Muhammad berkata, MGB Selangor juga mencadangkan Program Pensiswazahan Guru Besar diberi perhatian segera kerana ada guru biasa di sekolah kebangsaan di Selangor mempunyai Sarjana Pendidikan, menyebabkan guru besar tidak mempunyai kuasa lagi.

Katanya, beberapa guru besar dilaporkan memasuki universiti secara penuh masa, manakala sesetengahnya pula melalui Pengajian Jarak Jauh (PJJ) tetapi selepas menerima ijazah, guru besar terbabit menjadi guru siswazah biasa di sekolah menengah dan ahli DG3 paling junior, menyebabkan mereka kehilangan segala kepakaran dan pengalaman sebagai guru besar.

Sehubungan itu, MGB Selangor mencadangkan golongan itu diberi keistimewaan, dilantik sebagai ketua bidang atau jawatan setimpal supaya tidak hilang kekananan.

Katanya, MGB Selangor juga mencadangkan Bahagian Naik Pangkat Kementerian Pendidikan menjadikan syarat mengikuti Kursus Kepengetuan dan Guru Besar di Institut Aminuddin Baki, sebagai pengesahan jawatan kepada guru besar.

Sementara itu, MGB Perak memohon Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengkaji dan membuat semakan gred gaji semua PPPLD DGA5 dan DGA4 supaya setara dengan gaji pegawai lain di sektor perkhidmatan yang mempunyai kelulusan yang sama.

Selain itu, MGB Perak memohon mewujudkan skim imbuhan tetap guru besar kepada PPPLD DGA5 dan DGA4 berjumlah 20 peratus daripada gaji dan dimasukkan terus sebagai bayaran bulanan.

Muhammad berkata, enam usul akan dikemukakan kepada Bahagian Pendidikan Guru Kementerian Pendidikan untuk dikaji dan dipertimbangkan.

Menurutnya, usul menyokong Perdana Menteri pula diserahkan kepada Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak di majlis perasmian mesyuarat itu untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

(END)